



Headline	Terengganu tumpang tuah lima pemain		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	19 Mar 2013	Color	Black/white
Section	Sukan	Circulation	192,982
Page No	48	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	127 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,227
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,682



# Terengganu tumpang tuah lima pemain

**Kuala Terengganu:** Prestasi cemerlang lima pemain kebangsaan yang beraksi di Piala Sultan Azlan Shah 2013 di Ipoh minggu lalu diakui mampu meningkatkan moral pasukan Terengganu dalam menghadapi saingan Liga Hoki Kebangsaan (MHL) bermula, Jumaat ini.

Pasukan dari Pantai Timur itu tampil yakin kehadiran – Azlan Misron, Jivan Mohan, Mohd Fitri Saari, Mohd Shahrul Nabil Abdullah, Tengku Ahmad Tajuddin Abdul Jalil – mampu untuk merealisasikan impian mereka, untuk meraih satu gelaran dalam saingan yang sebelum ini hanya dikuasai dua skuad gergasi, Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

“Sudah pasti ini akan meningkatkan lagi keyakinan pasukan nanti,” kata pengurus pasukan, Mohd Saberi Salleh ketika dihubungi semalam. Selain daripada lima pemain itu, juara Piala Razak itu juga diperkuat dengan bekas pemain KLHC, Mohd Amerullah Abdul Aziz.

## Yakin buru trofi

“Meskipun musim ini adalah kemunculan pertama kami dalam MHL, kami yakin dapat meraih satu gelaran,” kata Mohd Sabery. “Kami mempunyai keinginan tinggi di setiap sudut bagi memberi saingan sengit kepada pasukan lain dalam liga nanti.”

Saingan kali ini membabitkan 14 pasukan (tujuh Liga Premier dan tujuh Divisyen Satu) turut disertai Maybank, SAPURA, Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan Nur Insafi. Mohd Sabery menjangkakan pasukannya bakal menerima saingan sengit daripada KLHC dan TNB yang sering menjadi pilihan kejohanan.

Tahun lalu, KLHC muncul juara liga untuk kali ketujuh sejak 2006 selain berjaya melakar hatrik dalam juara keseluruhan sejak 2010. Mereka menewaskan TNB 3-0 dalam final Piala TNB, Oktober lalu.